



Sebahagian daripada peserta Program Mobiliti USIM dan ISID Gontor, Indonesia.

Siswi ISID Gontor kunjungi USIM

Putrajaya: Seramai 30 mahasiswi Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Gontor, Indonesia menyertai seminar kepimpinan selama seminggu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini.

Aktiviti itu antara inisiatif program kerjasama Mobility Inbound hasil hubungan baik

dirintis pengurusan tertinggi kedua-dua institusi serumpun itu.

Selain seminar, pelbagai program sampingan bagi peserta dikendalikan bersama oleh Pejabat Naib Canselor, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Pejabat Perhubungan Antarabangsa dan Majlis Perwakilan Pelajar.

Antaranya, kunjungan muhibah ke pejabat Penasihat Agama kepada Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Abdullah Md Zin di bangunan Perdana Putra, Putrajaya yang turut memberi peluang rombongan pelajar ISID mendapat taklimat serta sesi soal jawab mengenai Sistem Pentadbiran Hal Ehwal Islam di negara ini.

Rombongan pelajar itu diiringi Ketua Program Jabatan Usuludin ISID, Dr Syamsul Hadi Untung.

Pelajar ISID turut dibawa melawat bandaraya bersejarah, Melaka dan Masjid Tuanku Sultan Zainal Abidin, Putrajaya selain diraikan menerusi Jamuan Resepsi di Galeri Bangunan Canselori USIM.